

## **KENYATAAN MEDIA EXCO INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN NEGERI PULAU PINANG**

**George Town, 23 Disember 2022**

### **Perkhidmatan Bas Percuma Baharu – Bas Merah (BM) Ke KOMTAR!**

Sebagai usaha untuk mengoptimumkan jaringan sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang khususnya dalam mengintegrasikan kawasan Pulau dengan Seberang (*vice versa*), Kerajaan Negeri bersama Rapid Penang telah bersetuju memperkenalkan satu (1) lagi perkhidmatan Cat Bridge baharu yang akan menghubungkan Bukit Mertajam dan KOMTAR.

Perkhidmatan Cat Bridge Bukit Mertajam (CT14) merangkumi laluan sejauh 26 kilometer akan bermula dari Summit Bukit Mertajam, melalui Bandar Perda dan Jambatan Pulau Pinang dan terus menghala ke Terminal Bas KOMTAR.

Untuk makluman, laluan ini akan mula beroperasi pada 1 Januari 2023 sebagai laluan percubaan terlebih dahulu selama enam (6) bulan.

Sebanyak lima (5) buah bas akan digunakan untuk pengoperasian laluan baharu ini. Purata masa perjalanan ke destinasi akhir dijangka mengambil masa selama 60 hingga 85 minit.

Para penumpang boleh mengenalpasti laluan bas ini dengan *wrapping bus* berwarna merah iaitu Bukit Mertajam Bas Merah (BM) Ke KOMTAR.

**Zairil Khir Johari**  
**EXCO Infrastruktur dan Pengangkutan**  
**Negeri Pulau Pinang**

## JADUAL DAN FREKUENSI LALUAN CAT BRIDGE BUKIT MERTAJAM (CT14)

### Jadual Hari Biasa (Weekdays)

Frekuensi:

Pagi/ AM: 30 -40 mins

Petang/ PM: 30- 45mins

WAKTU PAGI (AM)			WAKTU PETANG (PM)	
Dari Summit B.M	Dari KOMTAR		Dari Summit B.M	Dari KOMTAR
6:00 AM	6:00 AM		4:50 PM	4:50 PM
6:30 AM	6:30 AM		5:20 PM	5:20 PM
7:00 AM	7:00 AM		5:50 PM	6:15 PM
7:30 AM	7:30 AM		6:25 PM	6:50 PM
8:00 AM	8:10 AM		7:00 PM	7:25 PM
8:30 AM	8:50 AM			
9:00 AM	9:30 AM			
9:30 AM				

### Jadual Hari Minggu & Cuti Umum (Weekdays & Public Holidays)

Frekuensi:

Pagi/ AM: 60 mins

Petang/ PM: 30- 55mins

WAKTU PAGI (AM)			WAKTU PETANG (PM)	
Dari Summit B.M	Dari KOMTAR		Dari Summit B.M	Dari KOMTAR
6:00 AM	6:00 AM		4:50 PM	5:10 PM
7:00 AM	7:00 AM		5:20 PM	5:40 PM
8:00 AM	8:00 AM		5:50 PM	6:15 PM
9:00 AM	9:00 AM		6:25 PM	6:50 PM
10:00 AM	10:00 AM		7:00 PM	7:25 PM
11:00 AM	11:00 AM			
12:00 PM	12:00 AM			
1:00 PM				

### LALUAN TRANSIT

LOKASI HENTIAN UTAMA	LALUAN TRANSIT
<b>Summit Bukit Mertajam</b>	606, 701, 702, 707, 708, 709, 802
<b>Bandar Perda</b>	701, 702* & 709* (* Jalan kaki dalam 5 minit)
<b>Jambatan P.Pinang</b>	CT13, CT13- FIZ AB & CT13-FIZ C
<b>Komtar</b>	101, 102, 103, 104, 11, 12 201, 202, 203, 204, 206, 502 301, 302, 303, 304, 401, 401E CAT MBPP